

"Keputusan ini juga dibuat kerana kebanyakan kakitangan yang bertugas sempena majlis konvokesyen turut terjejas akibat banjir sama ada rumah mereka dinaiki air atau terperangkap dalam banjir serta jalan yang menghubungkan UUM ke kediaman mereka terputus," katanya.

Mustafa berkata, UUM telah sedaya upaya untuk meneruskan majlis konvokesyen walaupun bagaimanapun situasi tidak mengizinkan majlis ini diteruskan demi kebaikan dan keselamatan semua pihak.

Walaupun bagaimanapun, keadaan dalam kawasan kampus terkawal dan ibu bapa tidak perlu bimbang dengan keselamatan dan bekalan makanan pelajar yang tinggal di kawasan kampus.

Katanya, semua graduan diminta merujuk kepada informasi terkini yang akan dimuat turun dalam laman web serta surat bagi memaklumkan tarikh baru bagi menggantikan majlis konvokesyen yang tertangguh.

"Bagi pelajar yang sedang bercuti sempena cuti sebelum peperiksaan akhir turut diminta merujuk kepada laman web bagi mengetahui perkembangan terkini mengenai keadaan banjir di kawasan sekitar universiti," katanya.

Disediakan oleh:

Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat,

Jabatan Canselori

Universiti Utara Malaysia

Tarikh : 2 November 2010